



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### **BETTER BRIGHTER ANJUNG KASIH YKN TANDA SOKONGAN PADU KORPORAT DALAM USAHA KERAJAAN MEMBANTU MASYARAKAT**

**4 DISEMBER, MELAKA** : YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menyempurnakan perasmian Better Brighter Anjung Kasih YKN-TNB Hospital Melaka bersama YB Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan serta YBhg Tan Sri Abdul Razak Abdul Majid, Pengerusi Tenaga Nasional Berhad.

Brighter Anjung Kasih YKN-TNB Hospital Melaka mula ditubuhkan pada 2019 dan mendapat tajaan sepenuhnya daripada syarikat korporat Tenaga Nasional Berhad iaitu Rakan Strategik Yayasan Kebajikan Negara. TNB melalui platform *Corporate Social Responsibility* (CSR) mereka telah menaja dengan nilai berjumlah **RM1,279,200.00** bagi kerja naiktaraf bangunan, kelengkapan perabot, kemudahan fasiliti dan kos penyelenggara selama 5 tahun.

Anjung Kasih YKN merupakan tempat penginapan sementara untuk golongan yang memerlukan khususnya keluarga atau waris pesakit yang tidak berkemampuan menyewa bilik sewa hotel namun berkeperluan untuk mengiringi dan menjaga pesakit yang sedang mendapatkan rawatan di hospital Kerajaan. Perkhidmatan Anjung Kasih ini dibina dengan konsep selesa, selamat dan berkualiti demi memastikan kebajikan golongan sasaran ini terjamin. Sejak penubuhan Anjung Kasih YKN yang pertama dan operasi pada 2006 seramai **107,633** orang telah mendapat manfaat daripada 19 buah Anjung Kasih yang telah beroperasi di seluruh negara.

Sejak tahun 2018, Tenaga Nasional Berhad telah menyumbang dan berkolaborasi dengan Yayasan Kebajikan Negara dalam pelbagai program serta aktiviti. TNB telah menaja tiga (3) buah Better Brighter Anjung Kasih YKN iaitu di Hospital Serdang, Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu Kelantan dan Hospital Melaka.

Selain penajaan penubuhan Anjung Kasih YKN, TNB juga turut bersama menyumbang dan menyokong program penajaan dana dan penyediaan bantuan bakul makanan kepada Kumpulan serta sumbangan mesin dialisis kepada pusat rawatan YKN Dialisis daripada Pelitawanis. Sumbangan *Corporate Social Responsibility* (CSR) daripada TNB kepada YKN berjumlah **RM6.5 juta** merangkumi pelbagai golongan sasar kementerian khususnya YKN dalam usaha membantu mereka yang memerlukan.

TNB terus menyumbang kepada kesejahteraan rakyat melalui pelbagai inisiatif termasuk Better Brighter Anjung Kasih YKN – TNB. Ia merupakan komitmen yang berterusan dalam memperkasa rakyat yang memerlukan di samping memastikan bekalan tenaga yang mencukupi dan berdaya harap untuk seluruh rakyat melalui pelaburan sistem tenaga yang berterusan. Pelaburan ini amat penting bagi memastikan TNB dapat terus menyokong matlamat peralihan tenaga Malaysia di bawah Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) yang bertujuan mencapai pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050.

Yayasan Kebajikan Negara mengalu-alukan sumbangan dan program kolaborasi kepada korporat, *Non-Government Organization* (NGO) serta orang perseorangan untuk berkerjasama bagi memperluaskan perkhidmatan Anjung Kasih YKN di hospital-hospital Kerajaan di seluruh negara. Setiap sumbangan wang tunai akan diberikan resit pengecualian cukai di bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967. Sumbangan boleh disalurkan melalui akaun bank atas nama **YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA MALAYSIA** seperti berikut ;

**ALLIANCE ISLAMIC BANK**

**160140010004801**

**MAYBANK ISLAMIC BANK BERHAD**

**568621012284**

**###**